



MENGUNGKAP AKAL BUDI IRAMA

Ghazal Johor

Teks: Kamarulzaman Mohamed Karim (Mantabla)

Kearifan tempatan merupakan sesuatu usaha manusia dengan menggunakan akal budinya untuk bertindak dan bersikap terhadap sesuatu objek atau ruang peristiwa yang terjadi dalam ruang tertentu. Dalam erti kata lain, kearifan tempatan merupakan kemampuan daripada kebijaksanaan seseorang yang melihat dan mengembangkan potensi tertentu dalam konteks masyarakat dalam lingkungannya.

Sejujurnya, perkara ini bukanlah mudah dilakukan pada setiap zaman, apatah lagi dalam era globalisasi apabila budaya masyarakat sering dipengaruhi oleh budaya luar tanpa sempadan. Namun begitu, hal ini bukanlah suatu yang mustahil bagi seorang pelopor muzik tradisional Melayu di selatan Semenanjung Malaysia, iaitu Pak Lomak.

Umum mengetahui bahawa Kolonel Haji Musa Yusuf, atau lebih dikenali sebagai Pak Lomak, merupakan "Bapa Ghazal Melayu Johor" yang bertanggungjawab mengasaskan dan membentuk muzik Ghazal Melayu Johor sejak tahun 1900 lagi. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang mengetahui bahawa Pak Lomak bukan sahaja tidak mempunyai latar belakang muzik, bahkan tidak pandai membaca notasi balok sama sekali. Namun begitu, hal tersebut bukanlah suatu kekurangan dan tidak pernah membantutkan usaha beliau untuk memberikan sumbangan yang bernilai terhadap perkembangan muzik masyarakat Melayu.

Pak Lomak merupakan seorang pemimpin politik yang "membuka diri" untuk belajar bersama-sama para seniman muzik Melayu, Hindustan dan Parsi. Sikap terbuka dan semangat



Kumpulan Seri Melati Ghazal Johor Bahru yang terkenal di Johor sekitar tahun 1970-an.

inilah yang menciptakan sebuah kearifan tempatan yang tidak pernah difikirkan oleh orang sebelumnya. Pak Lomak berusaha untuk menghargai semua keunikan yang terdapat dalam muzik bangsanya sendiri bagi tujuan melestarikannya tanpa dipengaruhi oleh hegemoni atau kekuasaan ilmu muzik Barat. Pada ketika itu, muzik Barat sedang pesat berkembang ke seluruh dunia melalui penjajahan dan penyebaran ideologinya.

Berkat prinsip dan kesungguhannya, Pak Lomak berjaya mewujudkan penanda aras baharu terhadap perkembangan seni muzik Melayu dengan kewujudan muzik Ghazal Melayu Johor. Muzik ini dapat dianggap sebagai sebuah kearifan tempatan yang unik apabila terdapat banyak konsep muzikal yang tersendiri dan sering dijadikan sebagai panduan para seniman ghazal dalam permainan mereka.

Yang menariknya, kebanyakan istilah daripada konsep muzik tersebut bersifat unik dan tidak pernah didapati dalam muzik Hindustan, Parsi dan Barat. Bukan itu sahaja, makna daripada istilah tersebut juga memperlihatkan perbezaan pendekatan dan teknik muzikal antara Ghazal Melayu Johor dengan ghazal Hindustan atau Parsi, walaupun kewujudan irama Ghazal Melayu Johor itu sendiri dipengaruhi oleh jenis muzik tersebut.

Pak Lomak dalam beberapa dokumentasi lama sering menyebut peralatan muzik sebagai "perkakas muzik" dan lagu atau muzik sebagai "bunyi-bunyian". Walaupun belum ada kajian yang mendalam tentang pememilihan istilah tersebut, Pak Lomak menunjukkan sikap dan pandangan tersendiri

terhadap istilah-istilah muzik yang hendak digunakan. Atas prinsip dan kecerdasannya juga, beliau merupakan individu yang bertanggungjawab menyusun semula dan menetapkan alat muzik Ghazal Melayu Johor yang dimainkan hingga kini dengan tertib permainannya.

Dalam muzik Ghazal Melayu Johor, terdapat tujuh peralatan utama, tidak termasuk penyanyi, yang masih digunakan dalam persembahan dan pertandingan yang dianjurkan. Tabla dan harmonium merupakan pengaruh daripada kesenian Hindustan, gambus daripada kesenian Parsi, dan gitar, viola, marakas dan tamborin daripada pengaruh kesenian Barat. Jikalau diperhatikan, tidak ada satu pun alat muzik tersebut yang mewakili kesenian Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun, hal ini bukan bermakna Ghazal Melayu Johor tidak mampu melambangkan nilai kemelayuan kerana estetika muzik Melayu tidak bersifat kaku, tetapi "mencair". Dalam pengertian yang mudah, "walaupun alat yang digunakan berlainan tetapi rasanya tetap Melayu".

Istilah Khas Muzik Ghazal Melayu Johor

Dalam muzik Ghazal Melayu Johor juga terdapat istilah muzik yang khas, antaranya termasuklah *char*, *toda*, *bunga*, *timbang*, *kating*, *parsi*, *gong*, dan *tar*. Setiap istilah pula mempunyai makna yang berbeza-beza secara muzikal. Berdasarkan beragam istilah tradisi Ghazal Melayu Johor yang digunakan di lapangan, berikut merupakan istilah biasa yang digunakan bersama-sama definisi bahasa dan muziknya;

Istilah dalam Ghazal Melayu Johor (GMJ)

Definisi Bahasa

Definisi Muzik

<i>Char</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Tiada 2. Bahasa Urdu: Empat 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Hangus/terbakar (Inggeris) 	<p>Satu bahagian (segmen) tersendiri dalam muzik GMJ yang biasanya dimainkan pada bahagian awal, tengah, dan akhir lagu. Bahagian ini biasanya bertempo sekali lebih cepat daripada bahagian utama (A dan B) dan tidak disertai oleh vokal. <i>Char</i> juga dapat dimaksudkan sebagai pola-ritma yang dimainkan oleh tabla pada bahagian <i>char</i> yang terdiri daripada dua jenis, iaitu pola-ritma <i>char ala Hindustan</i> dan <i>pola-ritma char timbang</i>.</p>
<i>Toda</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Tiada 2. Bahasa Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Semua (Sepanyol) 	<p>Satu bahagian (segmen) improvisasi oleh tabla selepas <i>bunga</i> untuk menandakan permulaan bahagian A dan pengakhiran bagi setiap bahagian komposisi GMJ. Juga bermaksud sebagai teknik pukulan tabla yang semuanya terdiri daripada sembilan jenis pukulan dalam dua bar motif.</p>
<i>Bunga</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya berwarna-warni dan akan menjadi buah. 2. Bahasa Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Tiada 	<p>Dalam budaya muzik GMJ, <i>bunga</i> juga bermaksud sebagai satu bahagian improvisasi oleh semua alat muzik melodi dalam GMJ secara bergilir-gilir kecuali vokal. Bahagian ini berfungsi sebagai jambatan antara bahagian A dan B atau pengulangan kedua kalinya. <i>Bunga</i> juga dapat didefinisikan sebagai motif melodi daripada alat muzik bermelodi GMJ (harmonium, violin, gitar dan gambus) yang berperanan sebagai "pintu masuk" (pembuka) dan "pintu keluar" (penutup) bagi melodi utama iaitu nyanyian.</p>
<i>Timbang</i>	<p>Bahasa Melayu:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Sama berat, imbang, timbal ii. Terima saling menerima, penyerahan dan penerimaan. <p>Bahasa Urdu: Tiada Bahasa Parsi: Tiada Bahasa lain: Tiada</p>	<p>Sebuah pola-ritma yang dimainkan secara improvisasi berdasarkan sembilan pola pukulan yang dipanggil <i>toda</i>. Pola tersebut diaplikasikan secara rawak bergantung pada kehendak pemain tabla itu sendiri.</p>
<i>Kating</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Tiada 2. Bahasa Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Keratan (<i>Cutting</i> - Inggeris) 	<p>Sebuah pola-ritma dengan motif satu bar yang dimainkan oleh tabla secara berulang dalam meter 4/4.</p>
<i>Parsi</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Nama dahulu bagi negara Iran sebelum 1935. 2. Bahasa Hindi / Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Tiada 	<p>Teknik ornamen pendek pada melodi yang dinyanyikan secara menaik atau menurun yang biasanya dipakai pada awal dan akhir motif tertentu bergantung pada tingkat kemahiran penyanyi.</p>

<i>Gong</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: sejenis alat bunyi-bunyian daripada logam yang bertombol (dibunyikan dengan dipalu), canang besar. 2. Bahasa Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Istana (Cina)
<i>Tar</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa Melayu: Bahan yang terbentuk daripada pembakaran tembakau terutamanya dalam rokok 2. Bahasa Urdu: Tiada 3. Bahasa Parsi: Tiada 4. Bahasa lain: Tiada

Tekanan (*accent*) terberat daripada putaran perjalanan nada-nada dalam satu lagu GMJ yang dimainkan oleh gitar. Nada-nada yang dimainkan tersebut memberikan kesan *bass* bagi menandakan frasa-frasa melodi semasa memainkan teknik *tokel*.

Teknik permainan gambus yang menghasilkan bunyi *getar/tremolo* dengan menggunakan alat pemetik tersendiri.



Pak Lomak merupakan "Bapa Ghazal Melayu Johor".

Istilah unik ini telah berkembang seiring dengan perkembangan yang berlaku dalam kesenian muzik Ghazal Melayu Johor. Bermula tahun 1920-an hingga 1950-an, Pak Lomak telah berjaya menjadikan muzik Ghazal Melayu Johor telah sebagai wadah kearifan dan lambang jati diri masyarakat Melayu di Johor. Kemudian diteruskan oleh para tokoh lain seperti Ahmad Jusuh, Mokhtar Zam Zam, Kassim Taib, S. Baharom, Atan Ahmad, Mohd Noh Said (Pak Noh), dan ramai lagi. Para seniman lama Ghazal Melayu Johor telah bertungkus-lumus mengembangkan kearifan tempatan kesenian ini untuk diwariskan kepada kita sebagai lambang keindahan dan kepintaran orang Melayu yang tetap harus dipelihara dan dilestarikan.



Gitar



Harmonium/ Peti



Violin/ Biola



Oud/ Gambus



Marakas




Tamborin



Tabla

Alat muzik yang digunakan dalam persembahan ghazal.

Sebagai kesimpulannya, banyak lagi kearifan tempatan yang masih belum terungkap di dalam khazanah muzik Melayu. Sayang sekali jika hal ini disia-siakan oleh generasi penerus kesenian, ini apalagi dilupakan oleh bangsa Melayu itu sendiri. Pak Lomak membuktikan bahawa sebenarnya orang Melayu sangat kreatif dan inovatif pada setiap karya yang dihasilkannya. Muzik Ghazal Melayu Johor merupakan bukti nyata wujudnya kearifan tempatan yang patut dimartabatkan oleh semua pihak. Para ilmuan dan seniman perlulah berganding bahu bersama-sama untuk menggali dan mengilmukan warisan kebijaksanaan dalam kesenian bangsa Melayu ini. Tanpa ada karya tidak akan mungkin lahir sebuah pengetahuan, tanpa ada pengetahuan juga tidak akan mungkin lahir sebuah karya. 

Penulis merupakan Pensyarah Kanan dalam bidang Penciptaan Seni, Komposisi Muzik, Muzik Tradisional dan Perkusi Melayu di Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau juga merupakan pengerusi Persatuan Muzik Tradisional Malaysia dan Persatuan Ghazal Johor Malaysia.